



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

# MANUAL

## SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN

Anak Benih Tanaman







**MANUAL  
SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN**

***ANAK BENIH TANAMAN  
(ABT)***

Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman  
Jabatan Pertanian

Diterbitkan di Malaysia oleh



## **KETUA PENGARAH PERTANIAN**

Jabatan Pertanian Malaysia  
Blok 4G2, Wisma Tani  
No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62624 Putrajaya

Tel : 03-88703448  
Faks : 03-88707639  
Emel : spbtbkkt@doa.gov.my  
Web : [www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)

Cetakan Pertama 2024

Edisi Pertama

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia.

Manuskrip terbitan ini disediakan oleh Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman (BKKT), Jabatan Pertanian Malaysia. Konsep persembahan, suntingan dan grafik juga disediakan oleh Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman (BKKT) Jabatan Pertanian Malaysia.

## **Abstrak**

Buku manual ini mengandungi maklumat mengenai Prosedur Pengesahan Bahan Tanaman di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT), Jabatan Pertanian. Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) telah diperkenal dan dilaksanakan sejak 2010 bertujuan untuk mengesahkan bahan tanaman yang dikeluarkan dalam negara adalah tulen dan berkualiti melibatkan pengesahan pokok induk dan bahan tanaman.

Maklumat yang diberikan di dalam buku ini adalah sebagai panduan kepada pengeluar bahan tanaman, Pegawai Pemeriksa SPBT, urus setia dan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Skim Pengesahan Bahan Tanaman: Anak Benih Tanaman (ABT), Jabatan Pertanian.

Buku manual ini diharap dapat menjadi rujukan pegawai pemeriksa SPBT dan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Skim Pengesahan Bahan Tanaman: Anak Benih Tanaman (ABT) termasuk Peserta Skim SPBT yang terlibat di dalam aktiviti pengeluaran benih bagi memberikan kefahaman serta pematuhan kepada prosedur standard ketulenan dan kualiti bahan tanaman yang digariskan di dalam buku manual ini. Diharapkan dengan adanya manual ini dapat menggalakkan lagi ramai pengusaha benih menyertai SPBT dalam pengeluaran bahan tanaman yang berkualiti bagi memacu perkembangan industri benih negara.



**Manual Pengesahan Bahan Tanaman**  
dibangunkan sebagai panduan dan rujukan utama kepada semua pihak yang terlibat dalam sektor pertanian, termasuklah petani, pengusaha ladang, penjual bahan tanaman, serta pegawai penguatkuasa yang berperanan memastikan pematuhan kepada piawaian yang ditetapkan



**YBhg. DATO' NOR SAM BINTI ALWI**

**Ketua Pengarah  
Jabatan Pertanian Malaysia**

# **SEKAPUR SIRIH**

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Manual Pengesahan Bahan Tanaman ini berjaya diterbitkan oleh Seksyen Pengesahan Bahan Tanaman, Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian. Buku manual ini adalah hasil usaha gigih dan kerjasama daripada pelbagai pihak yang terlibat dalam memastikan panduan dan prosedur pengesahan bahan tanaman adalah komprehensif serta sesuai dengan keperluan industri pertanian negara.

Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam memastikan kualiti bahan tanaman yang digunakan adalah bermutu, Jabatan Pertanian komited untuk menyediakan panduan dan piawaian yang mampu menjamin kualiti hasil pertanian negara. Buku manual ini diharapkan dapat menjadi rujukan utama kepada semua pihak yang terlibat dalam sektor pertanian, termasuklah petani, pengusaha ladang, penjual bahan tanaman, serta pegawai penguatkuasa yang berperanan memastikan pematuhan kepada piawaian yang ditetapkan.

Saya percaya bahawa dengan adanya buku manual ini, semua pihak yang terlibat akan lebih memahami dan menghargai kepentingan pengesahan bahan tanaman serta peranan mereka yang terlibat dalam memastikan keberhasilan bahan tanaman yang berkualiti tinggi.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan buku manual ini. Semoga ianya dapat dimanfaatkan sebaik mungkin untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti sektor pertanian negara.

Sekian, terima kasih.

**YBHG. DATO' NOR SAM BINTI ALWI**

Ketua Pengarah

Jabatan Pertanian Malaysia

“

*Kualiti bahan tanaman merupakan faktor penentu dalam keberhasilan hasil pertanian, dan dengan adanya Manual Pengesahan Bahan Tanaman ini, kita dapat memastikan bahawa hanya bahan tanaman yang terbaik digunakan dalam industri pertanian di Malaysia.*

*Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) telah diperkenalkan sejak 2010 bertujuan untuk mengesahkan bahan tanaman dalam negara adalah tulen dan berkualiti.*

”



**Ts. AZREEN BIN BASIR**

**Pengarah  
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman  
Jabatan Pertanian Malaysia**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita berjaya menyempurnakan penerbitan Buku Manual Pengesahan Bahan Tanaman ini. Buku ini merupakan satu panduan yang amat diperlukan dalam memastikan bahan tanaman yang digunakan dalam sektor pertanian negara kita memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Sebagai Pengarah Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, saya amat berbesar hati dapat berkongsi manual ini dengan semua pihak yang terlibat dalam industri pertanian. Manual ini bukan sekadar panduan teknikal, tetapi juga mencerminkan usaha berterusan kita untuk memastikan setiap bahan tanaman yang disahkan adalah berkualiti tinggi dan mematuhi semua standard yang diperlukan. Kualiti bahan tanaman merupakan faktor penentu dalam keberhasilan hasil pertanian, dan dengan adanya panduan ini, kita dapat memastikan bahawa hanya bahan yang terbaik digunakan dalam industri kita.

Saya ingin menekankan bahawa pengesahan bahan tanaman adalah proses yang kritikal, bukan sahaja untuk menjamin hasil yang baik tetapi juga untuk melindungi reputasi dan kepercayaan terhadap sektor pertanian negara. Oleh itu, saya menyeru semua yang terlibat, dari pengusaha ladang hingga kepada pegawai-pegawai penguatkuasa, agar menggunakan manual ini dengan penuh komitmen dan tanggungjawab.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada semua ahli pasukan yang telah terlibat dalam penyusunan dan penerbitan manual ini. Tanpa dedikasi dan usaha gigih mereka, buku ini tidak akan dapat direalisasikan. Semoga buku ini memberi manfaat yang besar kepada industri pertanian negara kita.

Sekian, terima kasih.

**T.s. AZREEN BIN BASIR**

Pengarah

Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman

Jabatan Pertanian Malaysia



JABATAN  
PERTANIAN




PENGESAHAN  
BAHAN TANAMAN

# Isi Kandungan

## BAB

## Muka Surat

1	TUJUAN & PENGENALAN	1
2	TERMA RUJUKAN (TOR), SKOP TUGAS DAN KEANGGOTAAN JKT.PBT	3
3	DEFINISI	7
4	PROSEDUR PENDAFTARAN PESERTA SKIM	11
5	PROSEDUR PENGESAHAN POKOK INDUK	15
6	PROSEDUR PENGESAHAN BAHAN TANAMAN	20
7	PROSEDUR PEMANTAUAN PESERTA SKIM	24
8	PEMBATALAN PERAKUAN	26
9	SENARAI LAMPIRAN	28
10	SENARAI BORANG ANAK BENIH TANAMAN (BORANG ABT)	113
11	CARTA ALIRAN KERJA	171
12	RUJUKAN	183



# Senarai Lampiran



<b>Lampiran 1</b>	Senarai Varieti Tanaman Di Bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman
<b>Lampiran 2</b>	Standard Minimum Jarak Tanaman Dan Jarak Pengasingan Pokok Induk
<b>Lampiran 2 (a)</b>	Standard Minimum Petak Mata Tunas/Pokok Induk
<b>Lampiran 3</b>	Panduan Mengendalikan Mesyuarat Pemeriksaan SPBT
<b>Lampiran 4</b>	Prosedur Pemeriksaan Ketulenan Pokok Induk Bagi Tanaman Buah-buahan
<b>Lampiran 4 (a)</b>	Prosedur Pemeriksaan Ketulenan Pokok Induk Bagi Tanaman Kelapa Hibrid dan Bukan Hibrid
<b>Lampiran 4 (b)</b>	Prosedur Pemeriksaan Ketulenan Pokok Induk Bagi Tanaman Nanas
<b>Lampiran 4 (c)</b>	Prosedur Pemeriksaan Ketulenan Pokok Induk Bagi Tanaman Pisang
<b>Lampiran 4 (d)</b>	Prosedur Pemeriksaan Ketulenan Pokok Induk Bagi Tanaman Limau Mandarin Bebas Perosak
<b>Lampiran 5</b>	Panduan Pengesahan Ketulenan Mengikut Jenis Tanaman
<b>Lampiran 6</b>	Spesifikasi Label
<b>Lampiran 6 (a)</b>	Spesifikasi Rumah Kalis Serangga Untuk Pokok Induk Limau Mandarin Bebas Perosak
<b>Lampiran 7</b>	Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Bagi Tanaman Buah-Buahan
<b>Lampiran 7 (a)</b>	Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Bagi Tanaman Kelapa Hibrid dan Bukan Hibrid
<b>Lampiran 7 (b)</b>	Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Bagi Tanaman Nanas
<b>Lampiran 7 (b)</b>	Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Bagi Tanaman Pisang
<b>Lampiran 7 (b)</b>	Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Bagi Tanaman Limau Mandarin Bebas Perosak
<b>Lampiran 8</b>	Standard Minimum Bahan Tanaman Mengikut Jenis Tanaman
<b>Lampiran 8 (a)</b>	Standard Susunan Bahan Tanaman dan Jarak Minimum Antara Blok
<b>Lampiran 9</b>	Proses Penghasilan Debunga Induk Jantan di Makmal (Tanaman Kelapa)



# **TUJUAN & PENGENALAN**

**SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN  
ANAK BENIH TANAMAN (ABT)**

**BAB 1**

## SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN ANAK BENIH TANAMAN (ABT)

### 1.1 TUJUAN

- 1.1.1** Manual ini disediakan sebagai panduan kepada pengeluar bahan tanaman, Pegawai Pemeriksa, urus setia dan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Skim Pengesahan Bahan Tanaman: Anak Benih Tanaman.

### 1.2 PENGENALAN

- 1.2.1** Bahan tanaman adalah input asas yang penting bagi pengeluaran hasil pertanian. Penggunaan bahan tanaman yang diperaku menjamin ketulenan baka dan kualitinya. Pengeluaran bahan tanaman tulen dan berkualiti hanya dapat dilakukan melalui pematuhan Prosedur Pengeluaran Bahan Tanaman dan pencapaian standard yang ditetapkan.
- 1.2.2** Jabatan Pertanian telah dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk mengawal selia pengeluaran bahan tanaman tulen dan berkualiti dalam negara dengan membangunkan Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT).
- 1.2.3** Penyertaan dalam Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) melibatkan tiga peringkat permohonan iaitu:
- i. Peringkat Pertama: Permohonan Sebagai Peserta Skim
  - ii. Peringkat Kedua: Permohonan Pengesahan Pokok Induk
  - iii. Peringkat Ketiga: Permohonan Pengesahan Bahan Tanaman
- 1.2.4** Permohonan sebagai peserta skim adalah daripada pengeluar bahan tanaman. Penyertaan dalam SPBT adalah secara sukarela.
- 1.2.5** Permohonan pengesahan Pokok Induk dilakukan sekali sahaja selagi Pokok Induk tersebut tidak ditanam semula. Jika penanaman semula dijalankan, permohonan pengesahan Pokok Induk perlu dilakukan semula.
- 1.2.6** Manakala, permohonan pengesahan bahan tanaman adalah mengikut pengeluaran, oleh itu permohonan baru perlu dilakukan setiap kali pengeluaran dibuat. Pengeluar bahan tanaman yang berdaftar sebagai Peserta Skim sahaja layak memohon pengesahan bahan tanaman.
- 1.2.7** Hanya tanaman tersenarai dalam Senarai Varieti Tanaman SPBT (Lampiran 1) dan telah berdaftar di bawah Pendaftaran Varieti Umum Tanaman serta diluluskan Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Bahan Tanaman boleh dimohon oleh peserta skim untuk diperaku.



***TERMA RUJUKAN  
(TOR),  
SKOP TUGAS  
& KEANGGOTAAN  
JAWATANKUASA  
TEKNIKAL  
PENGESAHAN  
BAHAN TANAMAN  
(JKTPBT)***

**SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN  
ANAK BENIH TANAMAN (ABT)**

**BAB 2**

## **TERMA RUJUKAN (TOR) DAN SKOP TUGAS JAWATANKUASA TEKNIKAL PENGESAHAN BAHAN TANAMAN (JKTPBT), JABATAN PERTANIAN**

### **2.1 TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL PENGESAHAN BAHAN TANAMAN (JKTPBT)**

- 2.1.1** Perkara-perkara berkenaan Skim Pengesahan Bahan Tanaman terlebih dahulu akan dibawa kepada Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Bahan Tanaman untuk penelitian dan penilaian.
- 2.1.2** Ahli Jawatankuasa Teknikal dilantik oleh Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia sebagai badan menyelaras, mengawal, memperakarkan pelaksanaan Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) sebagaimana dinyatakan di bawah:

### **2.2 SKOP TUGAS**

- 2.2.1** Melulus Permohonan Pendaftaran Peserta Skim Baru dan memperakarkan Daftar Peserta Skim dari semasa ke semasa.
- 2.2.2** Memperakarkan Laporan Perakuan Pemeriksaan dan pengesyoran yang disediakan oleh Pegawai Pemeriksa terhadap Pokok Induk dan Bahan Tanaman.
- 2.2.3** Menilai dan meluluskan Garis Panduan Teknikal Pokok Induk dan Bahan Tanaman yang disediakan oleh kumpulan pakar.
- 2.2.4** Menilai dan memperakarkan penyediaan Prosedur Operasi Standard Pengeluaran Bahan Tanaman.
- 2.2.5** Menasihat dan menyelesaikan sebarang pertikaian teknikal berkaitan Pengesahan Bahan Tanaman.

### **2.3 KEANGGOTAAN JAWATANKUASA TEKNIKAL**

- 2.3.1** Ahli Jawatankuasa Teknikal akan dilantik oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pertanian Malaysia. Walaubagaimanapun, semakan semula keanggotaan akan dibuat dari semasa ke semasa mengikut keperluan dengan persetujuan pengerusi.
- 2.3.2** Keanggotaan Jawatankuasa Teknikal yang dilantik adalah seperti berikut :
- |   |   |
|---|---|
| <p>i. <b>Timbalan Ketua Pengarah</b><br/>Jabatan Pertanian Malaysia</p> <p>ii. <b>Pengarah</b><br/>Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman<br/>Jabatan Pertanian Malaysia</p> <p>iii. <b>Ketua Seksyen</b><br/>Seskyen Pengesahan Bahan Tanaman<br/>Jabatan Pertanian Malaysia</p> | <p>- <b>Pengerusi</b></p> <p>- <b>Setiausaha</b></p> <p>- <b>Urus setia</b></p> |
|---|---|

## Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Bahan Tanaman terdiri daripada:

Jabatan/ Organisasi	Ahli Tetap	Ahli Silih Ganti
Jabatan Pertanian Sabah	Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Sabah	Penolong Pengarah Seksyen Pengembangan Teknologi dan Transformasi Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Sabah
Jabatan Pertanian Sarawak	Pengarah Bahagian Jaminan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian Negeri Sarawak	Penolong Pengarah Bahagian Jaminan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian Negeri Sarawak
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	Timbalan Pengarah Program Pengeluaran Biji Benih, Bahan Tanaman dan Ternakan Pusat Perkomersialan Teknologi dan Bisnes, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Serdang, Selangor.	Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Perkomersialan Teknologi dan Bisnes, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Serdang, Selangor.
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)	Pengarah Bahagian Pengembangan dan Pembangunan Tanaman Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)	Pegawai Ehwal Ekonomi Bahagian Pengembangan dan Pembangunan Tanaman Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)
Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	Pengarah Bahagian Pengeluaran dan Perniagaan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur	Penolong Pengarah Bahagian Pengeluaran dan Perniagaan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur
Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia	Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia	Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia
Bahagian Perancangan Strategik, Jabatan Pertanian Malaysia	Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik, Jabatan Pertanian Malaysia	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perancangan Strategik, Jabatan Pertanian Malaysia

# BAB 2

Jabatan/ Organisasi	Ahli Tetap	Ahli Silih Ganti
Seksyen Pendaftaran Varieti Tumbuhan, Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia	Ketua Seksyen Seksyen Pendaftaran Varieti Tumbuhan, Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia	Ketua Penolong Pengarah Seksyen Pendaftaran Varieti Tumbuhan, Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia
Seksyen Penguatkuasaan dan Inspektorat, Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia	Ketua Seksyen Seksyen Penguatkuasaan dan Inspektorat, Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia	Ketua Penolong Pengarah Seksyen Penguatkuasaan dan Inspektorat, Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia

## 2.3.3 KEKERAPAN MESYUARAT

Minimum 3 kali setahun.

## 2.3.4 TEMPOH LANTIKAN

Pelantikan ahli jawatankuasa adalah untuk tempoh dua (2) tahun. Selepas tempoh tersebut, pelantikan semula akan dilakukan.

## 2.3.5 KEHADIRAN MESYUARAT

Ahli mesyuarat boleh diwakilkan sekiranya ahli tetap/ahli silih ganti tidak dapat menghadiri mesyuarat bagi memastikan mesyuarat dapat terus berjalan seperti ditetapkan.



JABATAN  
PERTANIAN



PENGESAHAN  
BAHAN TANAMAN

## **DEFINISI**

**SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN  
ANAK BENIH TANAMAN (ABT)**

**BAB 3**

## DEFINISI

### 1. Anak Benih Tanaman Sah/Anak Benih Sah (Certified Planting Materials)

Anak benih tanaman varieti tertentu yang dibiakkan secara tampang (vegetatif) yang telah mendapat perakuan standard kualiti oleh pihak berkuasa untuk digunakan dalam penanaman.

### 2. Bahan tanaman

Mana-mana bahagian tumbuhan yang digunakan bagi tujuan pembiakan dan penanaman seperti biji benih, anak benih dan bahagian vegetatif/tampang.

### 3. Bahan Tampang

Bahagian vegetatif tumbuhan yang digunakan sebagai sumber regenerasi tumbuhan baru dalam pengeluaran benih tanaman secara tampang seperti sion, umbisi, sulur, rhizom dan bebewang bagi mendapatkan ciri tumbuhan yang sama dengan induknya.

### 4. JKTPBT

Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Bahan Tanaman adalah jawatankuasa yang ditubuhkan selaku badan yang menyelaras, mengawal, meneliti dan memperakuan perkara-perkara berkenaan Skim Pengesahan Bahan Tanaman. JKTPBT dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Regulatori) dan ahli JKTPBT terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan berkaitan industri benih dilantik yang oleh Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia.

### 5. Kebun Biji Benih (Seed Garden)

Koleksi pokok varieti tertentu yang ditanam dilokasi khas untuk mengeluarkan biji benih bagi menghasilkan anak benih tanaman sah untuk tujuan penanaman.

### 6. Klon

Populasi yang mempunyai ciri-ciri genetik yang serupa yang dibiakkan secara vegetatif.

### 7. Kualiti

Mutu atau keadaan yang baik bagi sesuatu pokok/bahan tanaman.

### 8. Pegawai Pemeriksa

Pegawai kompeten yang dilantik oleh Ketua Pengarah Pertanian untuk melaksanakan tugas-tugas di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

### 9. Pegawai Pemantau

Pegawai pemantau adalah pegawai yang diarahkan oleh Pengarah Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman untuk menjalankan pemantauan Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

### 10. Peserta Skim

Pengeluar bahan tanaman yang berdaftar di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

## 11. Pembiakan Tampang

Penghasilan dan pertumbuhan tumbuhan baru yang mempunyai ciri-ciri genetik dan morfologi fizikal sama seperti baka asal melalui proses cantuman dan fragmentasi bahagian tampang tumbuhan tanpa melibatkan proses persenyawaan diantara gamet betina dan gamet jantan.

## 12. Pokok Nukleus

Pokok baka asal sesuatu varieti yang dihasilkan oleh pembaikbaka serta diperaku dan disahkan oleh pihak berkuasa berdasarkan kepada pencirian yang ditetapkan.

## 13. Pokok Elit

Koleksi pokok yang diperolehi dan diperbanyak daripada baka asal atau daripada sumber yang telah diperakui susur galurnya kepada baka asal oleh pihak berkuasa dan digunakan untuk mewujudkan pokok induk.

## 14. Pokok Induk

Koleksi pokok yang diperolehi dan dibiak daripada pokok nukleus/pokok elit yang juga dikenali sebagai budwood line yang telah diperakui ketulennanya sebagai sumber membekalkan sion atau fragmen untuk pembiakan anak benih tanaman sah untuk tujuan penanaman.

## 15. Pokok Penanti

Pokok atau bahagian tumbuhan yang hidup yang membentuk sistem akar dan sebagai tapak cantuman kepada sion dalam proses pembiakan tampang.

## 16. Petak Mata Tunas

Satu kawasan di mana satu varieti pokok induk ditanam pada jarak yang ditetapkan bertujuan untuk pengambilan sion sahaja.

## 17. Pokok takai

Pokok yang tidak menepati ciri dan identiti sesuatu varieti.

## 18. Senarai Varieti SPBT

Senarai varieti yang terlibat di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman dan varieti yang ingin disenaraikan di bawah Senarai Varieti SPBT mestilah mempunyai kepentingan pengesahan di pasaran bahan tanaman dan telah didaftarkan di bawah Daftar Varieti Umum Tanaman, Jabatan Pertanian.

## 19. Sion

Komponen bahan pokok hidup iaitu bahan tampang yang terdiri daripada matatunas dan keratan pucuk atau keratan cabang (branch) yang dipisahkan daripada pokok induk untuk dicantumkan ke atas pokok penanti yang akan membentuk bahagian atas/kanopi pokok.

## 20. Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT)

Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) adalah satu skim di bawah Jabatan Pertanian yang diwujudkan untuk memastikan petani memperolehi sumber tanaman yang berkualiti, tulen dan bebas daripada perosak dan penyakit; yang mana Jabatan Pertanian akan membuat perakuan Pokok Induk dan bahan tanaman di nurseri Peserta Skim yang berdaftar di bawah SPBT adalah tulen dan berkualiti melalui pematuhan prosedur dan standard yang ditetapkan.

# BAB 3

10

## **21. Stok Nukleus**

Stok Nukleus adalah baka asal yang dihasilkan oleh pembaikbaka.

## **22. Tulen (*True-to-type*)**

Pemaparan ciri-ciri sebenar dan tepat bagi sesuatu varieti tanaman.

## **23. Urus setia**

Pegawai di Seksyen Pengesahan Bahan Tanaman, Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman yang bertanggungjawab menyelaras Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

## **24. Varieti**

Suatu kumpulan tumbuhan dalam satu taksonomi botani tunggal daripada peringkat terendah yang diketahui:

- (a) yang dapat dibezakan daripada mana-mana kumpulan tumbuhan yang lain dengan pemaparan sekurang-kurangnya satu ciri perbezaan; dan
- (b) yang dapat dianggap sebagai suatu unit berkenaan dengan kesesuaianya untuk dibiakkan tanpa perubahan.





JABATAN  
PERTANIAN



PENGESAHAN  
BAHAN TANAMAN

# **PROSEDUR PENDAFTARAN PESERTA SKIM**

**SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN  
ANAK BENIH TANAMAN (ABT)**

**BAB 4**

## PROSEDUR PENDAFTARAN SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN : ANAK BENIH TANAMAN

### 4.1 PROSEDUR PENDAFTARAN PESERTA SKIM

- 4.1.1 Prosedur Pendaftaran Peserta Skim SPBT disediakan bertujuan untuk menyeragamkan proses pendaftaran SPBT sebagai panduan kepada Pegawai Penilai yang terlibat dalam pendaftaran Peserta Skim SPBT.
- 4.1.2 Permohonan sebagai Peserta Skim SPBT adalah daripada pengeluar bahan tanaman dan dilakukan sekali sahaja. Penyertaan dalam SPBT adalah secara sukarela.
- 4.1.3 Pengeluar bahan tanaman perlu memohon untuk menyertai Skim Pengesahan Bahan Tanaman sebagai Peserta Skim dengan mengisi **Borang Permohonan Peserta Skim (ABT 1)** yang disertakan bersama Senarai Semak Borang Permohonan Peserta Skim yang boleh dimuat turun dari Portal Rasmi Jabatan Pertanian Malaysia di [www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my) atau mendapatkan borang tersebut secara terus di alamat:

**Urus setia**

**Skim Pengesahan Bahan Tanaman**  
**Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman**  
**Jabatan Pertanian Malaysia**  
**Wisma Tani, Aras 7, Lot 4G2**  
**No. 30 Persiaran Perdana,**  
**Presint 4, 62624, Putrajaya**  
**Faks: 03-8888 7639**  
**Emel: spbtbkkt@doa.gov.my**

- 4.1.4 **Borang Permohonan Peserta Skim (ABT 1)** yang telah lengkap diisi perlu disertakan bersama dokumen berikut:
- Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) / Pendaftaran di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)/ surat sokongan berkaitan
  - Salinan Geran / Surat Perjanjian Mengusaha Tanah yang sah
  - Pelan latar ladang / nurseri
- 4.1.5 Pemohon bagi **Borang Permohonan Peserta Skim (ABT 1)** yang '**Lengkap**' dan diterima akan dimaklumkan dengan **Surat Makluman Penerimaan Permohonan (ABT 1A)** bersama Nombor Rujukan Fail Permohonan.  
**SPBT/PBT/20XX/y**  
**20XX – tahun semasa**  
y - Bilangan Permohonan SPBT: Tahun Semasa
- 4.1.6 Pemohon bagi Borang Permohonan Peserta Skim (ABT 1) yang '**Tidak Lengkap**' akan dihubungi untuk tindakan melengkapskan maklumat atau dokumen sokongan yang tidak lengkap.

- 4.1.7 Pemohon bagi Borang Permohonan Peserta Skim (ABT 1) yang '**Tidak Memenuhi Syarat**' akan ditolak akan dimaklumkan dengan **Surat Makluman Penolakan Permohonan (ABT 1B)**.
- 4.1.8 Dua (2) Pegawai Penilai sama ada Urus Setia atau Pegawai Pemeriksa yang telah dilantik akan melaksanakan penilaian ke atas premis dan nurseri pemohon dan akan menyediakan **Laporan Penilaian Peserta Skim (ABT 1C)** dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh terima permohonan.
- 4.1.9 Hasil Laporan Penilaian Peserta Skim akan dimajukan ke Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Bahan untuk kelulusan.
- 4.1.10 Urus setia akan mewujudkan Fail Peserta Skim dan menetapkan nombor pendaftaran mengikut aliran bilangan terkini setiap negeri bagi setiap permohonan yang diluluskan sebagai Peserta Skim bagi tujuan penyimpanan dan pemantauan rekod.
- 4.1.11 Pemohon yang diterima sebagai Peserta Skim akan dimaklumkan melalui **Surat Keputusan Lulus Pendaftaran Peserta Skim (ABT 1D)** bersama Nombor Pendaftaran Peserta Skim, satu (1) salinan Kriteria-Kriteria Peserta Skim dan Standard Minimum Bahan Tanaman Mengikut Jenis Tanaman untuk rujukan dan panduan.

**N(X)Y**

N - nurseri SPBT

X - kod negeri

Y - bilangan pendaftaran bagi negeri

- 4.1.12 Pemohon yang gagal diterima sebagai Peserta Skim akan dimaklumkan melalui **Surat Keputusan Gagal Pendaftaran Peserta Skim (ABT 1E)** dengan sebab gagal dinyatakan.
- 4.1.13 Data maklumat Peserta Skim diisi ke dalam Pangkalan Data Skim Pengesahan Bahan Tanaman.
- 4.1.14 Sekiranya Peserta Skim mempunyai penambahan nurseri di negeri yang berlainan, permohonan baru perlu dikemukakan melalui **Borang Peserta Skim (ABT 1)**. Jika layak dan lulus, Peserta Skim tersebut akan didaftarkan dan diberi no. pendaftaran berlainan walaupun kedua-dua Peserta Skim tersebut adalah pemilik yang sama.
- 4.1.15 Jika berlaku perubahan seperti penukaran nama dan alamat surat menyurat, pertambahan ladang/nurseri (di negeri yang sama) atau penukaran jenis tanaman/varieti, permohonan hendaklah dikemukakan kepada Urus setia melalui **Borang Permohonan Pertukaran Maklumat Peserta Skim (ABT 1F)**.



# BAB 4

## 4.1.16 PENILAIAN SYARAT WAJIB

Hanya pemohon yang memenuhi semua syarat wajib akan dipertimbangkan untuk kelulusan sebagai Peserta Skim

Bil.	Perkara	Tanda (/)		Catatan
		Ya	Tidak	
1	Syarikat telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia / Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)/ Surat Sokongan Berkaitan			
2	Mempunyai Salinan Geran Tanah/Surat Perjanjian Mengusaha Tanah yang sah			
3	Mempunyai tapak simpanan stok/nurseri/ premis			
4	Mengeluarkan satu (1) atau lebih bahan tanaman seperti dalam Senarai Varieti Tanaman SPBT			
5	Mempunyai Pokok Induk : a) Sendiri			
	b) Luar (Peserta Skim) - sertakan No. Pendaftaran Peserta Skim			
	c) Luar (perjanjian guna sumber) - sertakan surat perjanjian guna sumber Bahan Tampang			
6	Jarak Pengasingan Pokok Induk antara varieti memenuhi syarat standard ditetapkan (Lampiran 2)			
7	*Mempunyai kemudahan makmal untuk melaksanakan pembiakan tisu kultur dan kelapa hibrid mengikut keperluan Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT)* *untuk pemohon yang mengeluarkan bahan tanaman tisu kultur dan kelapa hibrid sahaja.			

## 4.1.17 PENILAIAN TAMBAHAN

Bil.	Perkara	Tanda (/)		Catatan
		Ya	Tidak	
1	Rekod Ladang			
2	Bilangan Pekerja  Mahir : ..... Am: .....			



JABATAN  
PERTANIAN



PENGESAHAN  
BAHAN TANAMAN

# **PROSEDUR PENGESAHAN POKOK INDUK**

**SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN  
ANAK BENIH TANAMAN (ABT)**

**BAB 5**

## PROSEDUR PENGESAHAN POKOK INDUK SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN

### 5.1 PROSEDUR PENGESAHAN POKOK INDUK

#### 5.1.1 LADANG POKOK INDUK DAN PETAK POKOK MATA TUNAS

Pokok Induk dan pokok mata tunas digunakan sebagai sumber membekalkan bahan tampang untuk pembiakan anak benih tanaman.

##### 5.1.1.1 Pokok Induk

Pokok induk diperolehi daripada stok nukleus dan memenuhi keperluan dan standard seperti berikut:

- i. Pokok induk yang telah diperaku ketulenan genetik, sihat dan bebas serangan perosak.
- ii. **Minimum 5 pokok induk** setiap varieti bagi tanaman buah-buahan.
- iii. Pokok induk hendaklah di tanam mengikut **Standard Minimum Jarak Tanaman dan Jarak Pengasingan Pokok Induk seperti Lampiran 2**.

##### 5.1.1.2 Petak Mata Tunas

Petak mata tunas adalah kawasan di mana mata tunas diperolehi daripada pokok induk yang diperakui ketulenan. Petak mata tunas dibangunkan adalah untuk tujuan pengambilan mata tunas dan bukan tujuan penghasilan buah. Petak mata tunas hendaklah memenuhi keperluan dan standard seperti berikut:

- i. Pokok mata tunas yang telah diperaku ketulenan genetik, sihat dan bebas serangan perosak.
- ii. Pokok mata tunas hendaklah daripada varieti berdaftar dalam **Senarai Varieti Skim Pengesahan Bahan Tanaman (Lampiran 1)** dan di tanam mengikut **Standard Minimum Petak Mata Tunas/Pokok Induk seperti Lampiran 2 (a)**.
- iii. Jenis tanaman dan varieti lain tidak dibenarkan berada di dalam petak mata tunas.

#### 5.1.2 PERMOHONAN PENGESAHAN POKOK INDUK

5.1.2.1 Peserta Skim yang telah mempunyai Petak Mata Tunas/ Pokok Induk seperti yang disyaratkan di perkara 5.1 boleh memohon pengesahan dengan mengisi borang **Permohonan Pengesahan Pokok Induk dan Bahan Tanaman (ABT 3)**.

5.1.2.2 Permohonan yang lengkap perlu dihantar secara emel/faksimili/pos/scara terus kepada:

##### Urus setia

**Skim Pengesahan Bahan Tanaman  
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman  
Jabatan Pertanian Malaysia  
Wisma Tani, Aras 7, Lot 4G2  
No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4  
62624 Putrajaya  
Faks: 03-8888 7639  
Emel: spbtbkkt@doa.gov.my**

- 5.1.2.3 Permohonan yang lengkap perlu dihantar kepada urus setia sekurang-kurangnya empat belas **(14) hari sebelum tarikh pemeriksaan.**
- 5.1.2.4 **Borang Permohonan Pengesahan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABT 3)** yang ‘**Lengkap**’ dan diterima akan dimaklumkan melalui **Surat Makluman Penerimaan Permohonan (ABT 3A)**.
- 5.1.2.5 **Borang Permohonan Pengesahan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABT 3)** yang ‘**Tidak Lengkap**’ akan dikembalikan untuk tindakan melengkapkan maklumat yang diperlukan.
- 5.1.2.6 **Borang Permohonan Pengesahan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABT 3)** yang ‘**Tidak Memenuhi Syarat**’ akan ditolak dan dimaklumkan melalui **Surat Makluman Penolakan Permohonan (ABT 3B)**.

### 5.1.3 PEMERIKSAAN POKOK INDUK

- 5.1.3.1 Pemeriksaan di peringkat ini bertujuan untuk pengesahan dan pematuhan perkara berikut:
- Pokok yang ditanam memenuhi ciri ketulenan genetik varieti yang dimohon.
  - Pokok Induk hendaklah sihat dan bebas daripada serangan perosak.
  - Bagi Petak Mata Tunas, Pokok Induk ditanam mengikut varieti pada jarak tanaman dan jarak pengasingan yang dibenarkan seperti di **Lampiran 2 (Standard Minimum Jarak Tanaman dan Jarak Pengasingan Pokok Induk)**.
  - Tidak terdapat pokok takai di dalam Petak Mata Tunas.
- 5.1.3.2 Dua (2) orang Pegawai Pemeriksa akan melaksanakan pemeriksaan melalui Surat Lantikan dan **Arahan Pemeriksaan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABT 3C)**. Peserta Skim dimaklumkan berkenaan jadual pemeriksaan secara panggilan telefon dan emel.
- 5.1.3.3 Mesyuarat Pembukaan Pemeriksaan akan dipengerusikan oleh Pegawai Pemeriksa berpandukan **Panduan Mengendalikan Mesyuarat Pemeriksaan (Lampiran 3)**. Peserta Skim atau wakil dikehendaki hadir semasa mesyuarat pembukaan pemeriksaan dan ketika pemeriksaan dilaksanakan.
- 5.1.3.4 Pegawai Pemeriksa membuat pemeriksaan ke atas Pokok Induk berpandukan dokumen berikut:

- A) Prosedur Pemeriksaan Pokok Induk mengikut jenis tanaman
- Prosedur Pemeriksaan Ketulenan Pokok Induk Tanaman Buah-buahan - **Lampiran 4**
  - Prosedur Pemeriksaan Pokok Induk Kelapa Hibrid dan Bukan Hibrid - **Lampiran 4(a)**

- iii) Prosedur Pemeriksaan Ketulenan Pokok Induk Tanaman Nanas - **Lampiran 4 (b)**
- iv) Prosedur Pemeriksaan Ketulenan Pokok Induk Tanaman Pisang - **Lampiran 4 (c)**
- v) Prosedur Pemeriksaan Ketulenan Pokok Induk Tanaman Limau Mandarin Bebas Perosak - **Lampiran 4 (d)**

- B) Panduan Pengesahan Ketulenan Mengikut Jenis Tanaman  
(Handbook Pegawai Pemeriksa Mengikut Jenis Tanaman)

### Tanaman Buah-Buahan

- |               |                   |
|---------------|-------------------|
| 1) Belimbing  | 9) Limau mandarin |
| 2) Cempedak   | 10) Longan        |
| 3) Ciku       | 11) Mangga        |
| 4) Durian     | 12) Manggis       |
| 5) Jambu air  | 13) Nanas         |
| 6) Jambu batu | 14) Nangka        |
| 7) Lansium    | 15) Pisang        |
| 8) Limau bali | 16) Rambutan      |

### Tanaman Industri

- 17) Kelapa

- 5.1.3.5 Setiap Pokok Induk yang telah diperakukan akan dipasang dengan label sementara yang mempamerkan kod pendaftaran varieti, nombor pendaftaran Pokok Induk dan tahun tanam mengikut **Spesifikasi Label yang ditetapkan seperti di Lampiran 6**. Peserta skim perlu menggantikan label sementara dengan label kekal **dalam tempoh tiga (3) bulan selepas diperaku**.
- 5.1.3.6 Selepas tamat pemeriksaan, Peserta Skim atau wakil dikehendaki hadir Mesyuarat Penutup Pemeriksaan bagi membincangkan Laporan Temuan, tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang perlu diambil oleh Peserta Skim. Sekiranya memerlukan tindakan pembetulan, tarikh pemeriksaan semula perlu ditetapkan oleh Pegawai Pemeriksa dan dinyatakan di dalam **Laporan Temuan Pemeriksaan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABT 5)**.
- 5.1.3.7 **Laporan Pemeriksaan Pokok Induk (ABT 4)** dan **Laporan Temuan Pemeriksaan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABT 5)** perlu disediakan oleh pegawai pemeriksa dan Peserta Skim dikehendaki menyemak sebelum keduanya menandatangani Laporan Temuan berkenaan.
- 5.1.3.8 **Laporan Temuan Pemeriksaan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABT 5)** serta **Perakuan Pengesahan Pokok Induk (ABT 6)** perlu diserahkan kepada Peserta Skim sekiranya lulus dan **Laporan Temuan Pemeriksaan Pokok Induk/ Bahan Tanaman (ABT 5)** sahaja sekiranya gagal.



5.1.3.9 Pegawai Pemeriksa hendaklah menghantar kepada Urus setia salinan **Laporan Pemeriksaan Pokok Induk (ABT 4)** mengikut jenis tanaman, **Laporan Temuan Pemeriksaan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABT 5)**, Perakuan Pengesahan Pokok Induk (ABT 6) dan pelan lakar **dalam tempoh tujuh (7) hari** bekerja selepas pemeriksaan dilaksanakan untuk direkod dan difaillkan.

## 5.2 PEMATUHAN KEPADA PROSEDUR DAN STANDARD

Perakuan pengesahan Pokok Induk tidak akan diberikan sekiranya tidak memenuhi salah satu prosedur dan standard yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian.





# **PROSEDUR PENGESAHAN BAHAN TANAMAN**

**SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN  
ANAK BENIH TANAMAN (ABT)**

## PROSEDUR PENGESAHAN BAHAN TANAMAN SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN

### 6.1 PROSEDUR PENGESAHAN BAHAN TANAMAN

#### 6.1.1 PERMOHONAN PENGESAHAN BAHAN TANAMAN

- 6.1.1.1 Peserta Skim layak memohon pengesahan bahan tanaman setelah Pokok Induk diperakuan Peserta Skim hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Pengesahan Pokok Induk/ Bahan Tanaman (ABT 3)** dengan disertakan pelan lokasi bahan tanaman yang hendak disahkan.
- 6.1.1.2 Permohonan yang lengkap perlu dihantar secara emel atau faks atau pos atau secara terus kepada:

**Urus setia**

**Skim Pengesahan Bahan Tanaman**  
**Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman**  
**Jabatan Pertanian Malaysia**  
**Wisma Tani, Aras 7, Lot 4G2**  
**No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4**  
**62624 Putrajaya**  
**Faks: 03-8888 7639**  
**Emel: spbtbkkt@doa.gov.my**

- 6.1.1.3 Peserta Skim mestilah menggunakan sumber Bahan Tampang daripada Pokok Induk yang telah diperaku sebelum memohon pengesahan Bahan Tanaman.

#### 6.1.2 SUMBER BAHAN TAMPANG

- 6.1.2.1 Peserta Skim hendaklah mempunyai Pokok Induk yang telah diperaku ketulenan genetik, sihat dan subur. Sekiranya Peserta Skim tidak mempunyai Pokok Induk sendiri, sumber bahan tampang/janaplasma mesti diperolehi daripada Pokok Induk Peserta Skim lain yang telah diperakui di bawah SPBT dengan menyertakan salinan surat perjanjian pengambilan Bahan Tampang.

#### 6.1.3 PEMERIKSAAN BAHAN TANAMAN

- 6.1.3.1 Peserta Skim digalakkan hendaklah menyusun bahan tanaman dalam blok mengikut varieti dengan jarak pengasingan tertentu. Bagi bahan tanaman sulur seperti Nanas prosedur pemeriksaan adalah menggunakan **Kaedah Persampelan seperti di Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Nanas di Lampiran 7(b).**

- 6.1.3.2 Tujuan pemeriksaan bahan tanaman untuk memenuhi pematuhan perkara berikut:
  - i. Bahan tanaman yang dikeluarkan memiliki ciri-ciri baka varieti yang dipohon.
  - ii. Pertumbuhan bahan tanaman mencapai **Standard Minimum Bahan Tanaman Mengikut Jenis Tanaman** seperti di **Lampiran 8.**

# BAB 6

22

- iii. Bahan tanaman sihat, bebas daripada serangan perosak dan penyakit.
- iv. Kesahihan penggunaan bahan tampang/janaplasma daripada Pokok Induk yang diperakukan.
- 6.1.3.3 Dua (2) Pegawai Pemeriksa dilantik oleh Pengarah melalui **Surat Arahan Pemeriksaan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABT 3C)**. Peserta Skim dimaklumkan berkenaan jadual pemeriksaan melalui panggilan telefon dan emel.
- 6.1.3.4 Pemeriksaan di nurseri tanaman akan dimulakan dengan Mesyuarat Pembukaan Pemeriksaan yang dipengerusikan oleh Pegawai Pemeriksa berpandukan **Panduan Mengendalikan Mesyuarat Pemeriksaan SPBT (Lampiran 3)**. Peserta Skim atau wakil dikehendaki hadir dan melaporkan lokasi, jenis tanaman dan bilangan Pokok Induk yang hendak diperiksa.
- 6.1.3.5 Seterusnya Pegawai Pemeriksa akan membuat pemeriksaan ke atas bahan tanaman berpandukan dokumen berikut:
- A) Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman mengikut jenis tanaman
- i) Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Buah - buahan - **Lampiran 7**
- ii) Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Kelapa Hibrid dan Bukan Hibrid - **Lampiran 7(a)**
- iii) Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Nanas - **Lampiran 7(b)**
- iv) Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Tisu Kultur Pisang - **Lampiran 7(c)**
- v) Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Limau Mandarin Bebas Perosak - **Lampiran 7(d)**
- B) Panduan Pengesahan Ketulenan Mengikut Jenis Tanaman (Handbook Pegawai Pemeriksa Mengikut Jenis Tanaman)

## Tanaman Buah-Buahan

- |               |                   |
|---------------|-------------------|
| 1) Belimbing  | 9) Limau mandarin |
| 2) Cempedak   | 10) Longan        |
| 3) Ciku       | 11) Mangga        |
| 4) Durian     | 12) Manggis       |
| 5) Jambu air  | 13) Nanas         |
| 6) Jambu batu | 14) Nangka        |
| 7) Lansium    | 15) Pisang        |
| 8) Limau bali | 16) Rambutan      |

## Tanaman Industri

- 17) Kelapa

- 6.1.3.6 Pegawai Pemeriksa akan menyediakan **Laporan Pemeriksaan Bahan Tanaman (ABT 7)** setelah tamat pemeriksaan. Pegawai Pemeriksa dan Peserta Skim atau wakil dikehendaki hadir Mesyuarat Penutup Pemeriksaan yang membincang laporan temuan, langkah pembetulan dan penambahbaikan yang perlu diambil oleh Peserta Skim.
- 6.1.3.7 Segala ketidakpatuhan yang ditemui, langkah pembetulan yang perlu diambil dan tarikh pemeriksaan semula akan direkod oleh Pegawai Pemeriksa dalam **Laporan Temuan Pemeriksaan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABT 5)**. Bagi kes yang memerlukan pemeriksaan ulangan, Pegawai Pemeriksa akan melaksanakannya mengikut tarikh yang dipersetujui bersama.
- 6.1.3.8 Keputusan pemeriksaan bahan tanaman yang telah diperaku oleh Pegawai Pemeriksa akan dimaklumkan kepada Peserta Skim pada hari pemeriksaan menggunakan **Perakuan Pengesahan Bahan Tanaman (ABT 8)** kepada Peserta Skim semasa Mesyuarat Penutup Pemeriksaan.
- 6.1.3.9 Bahan Tanaman yang telah diperaku hendaklah disusun dalam blok mengikut varieti dan tidak boleh bercampur dengan bahan tanaman lain yang tidak diperaku.
- 6.1.3.10 Peserta Skim dikehendaki memasang label blok bahan tanaman dihadapan setiap blok mengikut **Spesifikasi Label Blok Bahan Tanaman**. Spesifikasi label dirujuk pada **Lampiran 6**.
- 6.1.3.11 Peserta Skim dikehendaki menggunakan polibeg bercetak **Skim Pengesahan Bahan Tanaman** mengikut Spesifikasi Label Polibeg. Spesifikasi label dirujuk pada **Lampiran 6**.
- 6.1.3.12 Peserta Skim dikehendaki menyedia dan memasang label Bahan Tanaman mengikut **Spesifikasi Label Bahan Tanaman**. Spesifikasi label dirujuk pada **Lampiran 6**.
- 6.1.3.13 Pegawai Pemeriksa akan menyediakan **Laporan Temuan Pemeriksaan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABT 5)** dan Peserta Skim dikehendaki menyemat sebelum kedua-dua pihak menandatangani laporan berkenaan.
- 6.1.3.14 Peserta Skim hanya dibenarkan memohon pemeriksaan ulangan bagi Bahan Tanaman yang gagal mendapat perakuan disebabkan pertumbuhan yang tidak mencapai standard minimum ditetapkan.
- 6.1.3.15 Pegawai Pemeriksa hendaklah menghantar salinan **Laporan Pemeriksaan Bahan Tanaman (ABT 7)** dan **Laporan Temuan Pemeriksaan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABT 5)**, dan **Perakuan Pengesahan Bahan Tanaman (ABT 8)** kepada urus setia **dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas pemeriksaan** dilaksanakan untuk direkod dan difaillkan.

## 6.2 PEMATUHAN KEPADA PROSEDUR DAN STANDARD

Perakuan pengesahan bahan tanaman tidak akan diberikan sekiranya tidak memenuhi salah satu prosedur dan standard yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian.

# BAB 7



JABATAN  
PERTANIAN



PENGESAHAN  
BAHAN TANAMAN

## **PROSEDUR PEMANTAUAN PESERTA**

**SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN  
ANAK BENIH TANAMAN (ABT)**

## PROSEDUR PEMANTAUAN PESERTA SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN ANAK BENIH TANAMAN

### 7.1 PROSEDUR PEMANTAUAN PESERTA SKIM

- 7.1.1 Pemantauan Peserta Skim di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman dijalankan bertujuan untuk:
- i. Memastikan Pokok Induk/bahan tanaman dalam keadaan berkualiti serta bebas perosak.
  - ii. Memastikan Pokok Induk/Bahan Tanaman diselenggara dengan baik
  - iii. Memastikan tiada Pokok Induk / Bahan Tanaman yang terjejas pertumbuhannya kerana diserang perosak, pertumbuhan terbantut kesan kekurangan air atau baja.
  - iv. Memastikan ladang Pokok Induk dan nurseri dalam keadaan bersih dan diselenggara dengan baik.
  - v. Pokok takai hendaklah dikeluarkan dari blok bahan tanaman.
- 7.1.2 Pemeriksaan stok Bahan Tanaman juga akan dijalankan pada bila-bila masa mengikut keperluan oleh Pegawai Pemantau yang diarahkan melalui **Surat Arahan Pemantauan Peserta Skim (ABT 9)**.
- 7.1.2 Laporan pemantauan dan tindakan pembetulan (sekiranya ada) dilaporkan menggunakan **Laporan Pemantauan Peserta Skim (ABT 9A)** kepada Urus setia selepas pemantauan dilaksanakan.





# **PEMBATALAN PERAKUAN**

**SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN  
ANAK BENIH TANAMAN (ABT)**

## **PEMBATALAN PERAKUAN SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN ANAK BENIH TANAMAN**

### **8.1 PEMBATALAN PERAKUAN**

Urus setia Skim Pengesahan Bahan Tanaman berhak untuk membatalkan perakuan pengesahan pokok induk dan bahan tanaman sekiranya didapati tidak memenuhi standard minimum ditetapkan.

#### **i) Pembatalan Penyertaan Peserta Skim**

**Surat Pembatalan Peserta Skim Pengesahan Bahan Tanaman (ABT 10)** akan diberikan kepada Peserta Skim yang tidak lagi aktif atau melanggar syarat seperti yang ditetapkan dalam Skim Pengesahan Bahan Tanaman berdasarkan **Laporan Pemantauan Peserta Skim (ABT 9A)**.

#### **ii) Pembatalan Perakuan Pokok Induk dan Bahan Tanaman**

Pembatalan perakuan Pokok Induk dan bahan tanaman akan dimaklumkan melalui **Surat Pembatalan Perakuan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABT 11)**.



# BAB 9

28



## ***SENARAI LAMPIRAN***

**SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN  
ANAK BENIH TANAMAN (ABT)**

**9.1 SENARAI LAMPIRAN**

<b>Bil.</b>	<b>Senarai Lampiran</b>	<b>No. Lampiran</b>
1	Senarai Varieti Tanaman Di Bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman	Lampiran 1
2	Standard Minimum Jarak Tanaman Dan Jarak Pengasingan Pokok Induk	Lampiran 2
3	Standard Minimum Petak Mata Tunas/Pokok Induk	Lampiran 2(a)
4	Panduan Mengendalikan Mesyuarat Pemeriksaan SPBT	Lampiran 3
5	Prosedur Pemeriksaan Ketulenan Pokok Induk Bagi Tanaman Buah-buahan	Lampiran 4
6	Prosedur Pemeriksaan Ketulenan Pokok Induk Bagi Tanaman Kelapa Hibrid dan Bukan Hibrid	Lampiran 4 (a)
7	Prosedur Pemeriksaan Ketulenan Pokok Induk Bagi Tanaman Nanas	Lampiran 4(b)
8	Prosedur Pemeriksaan Ketulenan Pokok Induk Bagi Tanaman Pisang	Lampiran 4(c)
9	Prosedur Pemeriksaan Ketulenan Pokok Induk Bagi Tanaman Limau Mandarin Bebas Perosak	Lampiran 4(d)
10	Panduan Pengesahan Ketulenan Mengikut Jenis Tanaman	Lampiran 5
11	Spesifikasi Label	Lampiran 6
12	Spesifikasi Rumah Kalis Serangga Untuk Pokok Induk Limau Mandarin Bebas Perosak	Lampiran 6(a)
13	Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Bagi Tanaman Buah-Buahan	Lampiran 7
14	Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Bagi Tanaman Kelapa Hibrid dan Bukan Hibrid	Lampiran 7(a)
15	Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Bagi Tanaman Nanas	Lampiran 7(b)
16	Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Bagi Tanaman Pisang	Lampiran 7(b)
17	Prosedur Pemeriksaan Bahan Tanaman Bagi Tanaman Limau Mandarin Bebas Perosak	Lampiran 7(b)
18	Standard Minimum Bahan Tanaman Mengikut Jenis Tanaman	Lampiran 8
19	Standard Susunan Bahan Tanaman dan Jarak Minimum Antara Blok	Lampiran 8(a)
20	Proses Penghasilan Debunga Induk Jantan di Makmal (Tanaman Kelapa)	Lampiran 9



JABATAN  
PERTANIAN



PENGESAHAN  
BAHAN TANAMAN

## LAMPIRAN 1

# **SENARAI VARIETI TANAMAN DI BAWAH SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN**

## LAMPIRAN 1

### Senarai Varieti Tanaman Di Bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman

(Kelulusan Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Bahan Tanaman Bil. 1/2024 Pada 7 Mac 2024)

#### 1.1 Jenis Tanaman : Durian (*Durio zibethinus*)

Bil.	No. Pendaftaran Varieti	Nama Varieti	Panggilan Lain	Tarikh Dimasukkan Dalam Skim Pengesahan Bahan Tanaman
1.	D24	-	-	2.Feb.2010
2.	D99	Kop Kecil	-	2.Feb.2010
3.	D123	Chanee	-	2.Feb.2010
4.	D145	Beserah	Tuan Mek Hijau	2.Feb.2010
5.	D158	Kan Yau	Tangkai Panjang	2.Feb.2010
6.	D159	Mon Thong	Bantal Mas	2.Feb.2010
7.	D160	Buluh Bawah	Tekka, Musang Queen	10.Okt.2016
8.	D168	Hjh. Hasmah	IOI, Mas Muar, Durian Mas	2.Feb.2010
9.	D169	Tok Litok	-	2.Feb.2010
10.	D175	Udang Merah	-	2.Feb.2010
11.	D188	MDUR78	-	2.Feb.2010
12.	D189	MDUR79	-	2.Feb.2010
13.	D190	MDUR88	-	2.Feb.2010
14.	D197	Raja Kunyit	Musang King	2.Feb.2010
15.	D198	Kim Hong	-	16.Nov.2023
16.	D200	Ochee	Duri Hitam	22.Sep.2014
17.	D214	TUPAI 226	Tupai King	20.Dis.2021
18.	D216	J. Sparrow	-	16.Nov.2023
19.	D217	Jerai	-	16.Nov.2023



## 1.2 Jenis Tanaman : Nangka (*Artocarpus heterophyllus*)

Bil.	No. Pendaftaran Varieti	Nama Varieti	Panggilan Lain	Tarikh Dimasukkan Dalam Skim Pengesahan Bahan Tanaman
1.	J29	-	-	1 Nov. 2010
2.	J31	N.S.1	-	1 Nov. 2010
